

MEMO

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah MPC

Daripada : Nurul Husna Binti Abdul Rashid
Penolong Pengurus
(PER/OED)

Melalui : Safniwati Jasri
Pengurus Kanan
(PER/OED)

Tarikh : 14 April 2021

Perkara : **Memohon Kelulusan bagi Pengeluaran Pesanan Tempatan (LPO) Fasa 3 dan Fasa 4 untuk Bengkel Latihan Industry4wrld Readiness Assessment**

YBhg. Dato'

Adalah dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', program bengkel latihan "*Readiness Assessment Industry4WRD*" telah bermula dari 23hb Februari dan akan berakhir pada Jun 2021. Program ini dirancang bagi memberi latihan kepada Badan Penilai RA dan di bantu oleh SIRIM Berhad sebagai moderator. Bengkel ini telah dibahagikan kepada beberapa fasa latihan mengikut kumpulan panel penilai RA.
3. Memo permohonan Fasa 3 telah mendapat kelulusan YBhg. Dato' pada 12 April 2021. Namun, pembatalan Memo terdahulu perlu dilakukan kerana kelewatan pengeluaran LPO juga berlaku pada Fasa 4. Kelewatan adalah disebabkan beberapa perkara berikut:
 - i. Terdapat beberapa penjadualan semula bagi tarikh-tarikh latihan berfasa pada peringkat awal (Fasa 3 & 4) setelah mendapat maklumbalas dari pihak SIRIM Berhad.
 - ii. Penambahbaikan terma rujukan kerja (TOR) bagi pihak SIRIM dalam membekalkan latihan berfasa ini.
4. Berikutan dengan perkara di atas, semakan semula pelaksanaan program untuk Fasa 3 & 4 telah diubah iaitu dijalankan secara hibrid (fizikal dan atas talian) di mana ia berbeza dengan perancangan awal iaitu dijalankan secara atas talian sahaja. Dilampirkan pelaksanaan baharu untuk rujukan seperti di Lampiran 1.
5. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan bagi perkara yang dinyatakan di atas bagi memastikan proses pembayaran dari pihak kewangan kepada pembekal dapat dibuat di dalam masa yang ditetapkan.


6. Pertimbangan dari YBhg. Dato' amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh:




(Nurul Husna Abd Rashid)
Penolong Pengurus PER/OED

Disokong oleh:



(Safniwati Jasri)
Pengurus Kanan PER/OED

~~Diluluskan/Tidak Diluluskan:~~



(Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman)
Ketua Pengarah MPC

JADUAL PEMBAYARAN BAGI KEPERLUAN SIRI LATIHAN MENGIKUT FASA

Fasa	Keperluan Latihan	Kadar Bayaran	Hari	Jumlah Bayaran
1	1. <u>Sesi Latihan 1 & 2</u> • <i>Re-Alignment RA Assessor (Senior Assessor) – Batch 1</i> • <i>Re-Alignment RA Assessor (Senior Assessor) – Batch 2</i>	RM1,800 @ 2 sesi	2 Hari	RM7,200
	2. Dokumentasi	RM1,000 @ 4 Fasa		RM4,000
	3. Sesi Mendapat Nasihat (Atas Talian)	RM400 @ 4 jam		RM1,600
2	1. <u>Sesi Latihan 3 & 4</u> • Kriteria RA – Manufacturing Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 1 • Kriteria RA – Manufacturing Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 2	RM1,800 @ 2 sesi	2 Hari	RM7,200
3	1. <u>Sesi Latihan 5 & 6 (atas talian)</u> • Kriteria RA – MRS Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 1 • Kriteria RA – MRS Criteria & Report Writing (New Assessor) – Batch 2	RM1.800 @ 2 sesi	2 Hari	RM7,200
4	1. <u>Sesi Latihan 7 & 8 (fizikal)</u> • Sesi Tandaaras AB Baharu bersama AB Senior – Batch 1 • Sesi Tandaaras AB Baharu bersama AB Senior – Batch 2	RM1.200 @ 2 sesi	2 Hari	RM4,800
<u>JUMLAH KESELURUHAN</u>				RM32,000